

PM ajak rakyat lebih tegas dan berani

KUALA LUMPUR 28 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat supaya bersikap lebih berani, tegas serta teguh pendirian dalam menghadapi musuh - musuh negara yang sentiasa berusaha mewujudkan ketegangan dengan menaburkan racun-racun fitnah.

“Apa jua dasar yang kita buat dan tindakan - tindakan tegas dalam hal - hal tertentu seperti menguatkuasakan undang - undang dalam menghadapi ancaman musuh dan penjenayah - penjenayah adalah semata - mata untuk menjaga kesejahteraan dan keamanan negara,” tegas Perdana Menteri.

Berucap merasmikan pameran “*Bangsa Tegas Negara Teguh*” di Muzium Negara di sini, beliau menjelaskan, tindakan tegas ini dilakukan supaya sesiapa juga yang tinggal di negara ini akan merasa aman dan selamat.

“Ketegasan dan keteguhan pendirian kita dalam tindakan - tindakan seperti ini tidak memberikan pengertian bahawa kita ini adalah satu bangsa yang sombong, angkuh, tidak berbudi bahasa dan tidak boleh bertolak - ansur,” ujar beliau.

Menurutnya, tidak ada siapa yang dapat menafikan yang berbudi bahasa dan bersopan - santun telah lama diamalkan oleh rakyat negara ini dan telah menjadi identiti bangsa Malaysia.

“Apa yang seharusnya kita ubah sekarang ialah sikap kita supaya lebih berani, tegas serta teguh pendirian kita dalam menghadapi musuh - musuh negara yang sentiasa berusaha untuk mewujudkan ketegangan di kalangan rakyat dengan menabur racun-racun fitnah dalam perkara - perkara yang boleh mencetuskan sentimen dan emosi rakyat,” tegas Perdana Menteri.

Pameran Bangsa Tegas Negara Teguh itu diadakan mulai hari ini hingga 27 September di Muzium Negara. Turut hadir dalam majlis perasmian itu ialah isteri Perdana Menteri. Da-

tuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Pertanian, Datuk Sanusi Junid dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Sri Haji Najib Tun Razak.

Bahan utama dalam pameran tersebut ialah tali gantung dan rotan yang dipinjamkan oleh Jabatan Penjara bagi menggambarkan ketegasan undang - undang Malaysia selaras dengan tema Hari Kebangsaan tahun ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa tema Hari Kebangsaan tahun ini iaitu “Bangsa Tegas Negara Teguh” menggambarkan “sikap, harapan, tindakan dan pedoman cita-cita kita untuk menjadikan bangsa dan negara kita ini dihormati dan disegani oleh negara - negara lain. Kita tidak mahu negara dan bangsa kita dipandang hina dan menjadi contoh sebagai se-

buah negara yang tidak baik.”

Oleh sebab negara ini sentiasa berada dalam suasana aman damai, beliau menarik perhatian bahawa rakyatnya sudah biasa dengan kesenangan dan tidak banyak pergolakan yang mencabar berlaku,

hingga menjadikan mereka terlupa kepada tanahair sendiri.

Dalam hal ini, beliau menegaskan bahawa semangat cintakan nusa dan bangsa hendaklah menjadikan titik tolak dan matlamat pokok dalam apa juga tugas dan perjuangan untuk ditegakkan di negara ini.